

17/05/2001

Carum 11 peratus tidak perlu isi borang 17A

Mohd Idris Sulaiman

KAMPAR, Rabu - Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata pekerja yang ingin mencarum pada kadar 11 peratus dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak perlu mengisi borang 17A.

Beliau berkata, mereka boleh membuat permohonan secara beramai-ramai melalui majikan masing-masing dengan menyertakan nama, nombor kad pengenalan, nombor ahli dan bertandatangan.

Katanya, pendekatan yang dilakukan ini dipersetujui kerajaan dalam mesyuarat bersama KWSP, Kementerian Sumber Manusia dan MTUC, baru-baru ini.

"Langkah ini diambil berikutan terdapat rungutan dari pekerja dan majikan untuk mengisi setiap borang yang ditetapkan sebelum ini.

"Langkah ini juga boleh menjimatkan masa dan kos pengurusan di kalangan majikan manakala pemprosesan oleh KWSP," katanya di majlis perasmian mesyuarat agung Kesatuan Pekerja Pengangkutan Sesi Kamtar di sini, malam tadi.

Sebelum ini kerajaan menurunkan kadar caruman KWSP daripada 11 peratus kepada sembilan peratus namun cadangan itu mendapat bantahan sebilangan besar pekerja.

Zainal turut membayangkan MTUC tidak akan meneruskan piket walaupun selepas tempoh tiga bulan seperti dirancang kerana tiga daripada tujuh tuntutan yang diperjuangkannya mendapat jaminan baik daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tiga perkara itu ialah mengenai penswastaan skim anuiti, faedah kematian dan hilang upaya serta mengemaskini pengurusan caruman KWSP tanpa menimbulkan keraguan mana-mana pihak.

"Penggantungan sementara pelaksanaan skim anuiti KWSP yang dikendalikan oleh syarikat insurans amat wajar," katanya.

Ini, katanya kerana jika skim itu diuruskan oleh syarikat insurans, keuntungan yang akan diperoleh pekerja mungkin berkurangan berikutan pelbagai pemotongan terpaksa dilakukan termasuk perkhidmatan agensi.

"Oleh itu, skim anuiti dalam bentuk sekarang perlu dipinda bagi membolehkan pekerja mendapat kadar pulangan lebih baik dan pendapatan bulanan yang tinggi sepanjang tempoh persaraan," katanya.

Zainal berkata, berdasarkan kajian mendapati adalah lebih baik pekerja mengekalkan wang dalam KWSP berbanding menyertai skim anuiti konvensional yang ditawarkan panel syarikat insurans.

Katanya, KWSP juga sedang menilai semula bayaran bantuan hilang upaya dan kematian yang kini ditetapkan pada kadar RM2,000.

(END)